

18 MAR 2003

Pengguna-Perang/I

PENGGUNA TIDAK PERLU BEREPUT BELI BARANG SEKALIPUN PERANG MELETUS

KUALA LUMPUR, 18 Mac (Bernama) -- Presiden Persekutuan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca) Datuk Prof Dr Hamdan Adnan hari ini menasihati pengguna supaya jangan gelabah dan berebut membeli makanan atau barang keperluan berikutan kemungkinan Amerika Syarikat menyerang Iraq.

Katanya ini kerana Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri memberi jaminan bekalan makanan di negara ini mencukupi jika berlaku perang di negara itu.

"Sekalipun Amerika sedang bersiap sedia untuk menyerang Iraq, Fomca menggesa pengguna di Malaysia supaya jangan berebut membeli barang kerana keadaan akan menjadi bertambah buruk apabila pengguna berebut membeli barang keperluan sebagai persediaan menghadapi kekurangan bekalan dan kenaikan harga," katanya kepada Bernama di sini.

Hamdan juga meminta pengguna supaya segera melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya mendapati ada peniaga yang cuba mengambil kesempatan dengan menaikkan harga atau menyorok makanan atau barang keperluan.

"Pengguna dan peniaga diingatkan bahawa mengikut undang-undang sedia ada, tindakan menyorok barang keperluan seperti makanan, boleh didakwa," katanya.

Beliau berkata Fomca ingin melihat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna memainkan peranan lebih aktif dalam keadaan tidak menentu sekarang bagi memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan terhadap pengguna.

"Fomca juga meminta Kementerian Pertanian memastikan bekalan makanan ada sepanjang masa dan pada harga yang berpatutan. Kementerian berkenaan juga sepatutnya menggerakkan semula Rancangan Buku Hijau yang menggalakkan rakyat Malaysia berkebun untuk menghasilkan makanan sendiri," katanya.

-- BERNAMA

SSA AHH SP RON